

RM24 juta bantu rakyat miskin
Utusan Online
October 10, 2011

KANGAR 9 Okt. - Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah menyalurkan peruntukan RM24 juta bagi membantu 8,644 rakyat berpendapatan rendah di negeri ini.

Menterinya, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil berkata, daripada jumlah itu RM21 juta disalurkan melalui Program Kebajikan Rakyat 1Malaysia (Kar1sma) melibatkan 8,156 penerima.

"Peruntukan lain termasuk sejumlah RM2.4 juta melalui program Teman 1Azam, Jabatan Kebajikan Masyarakat melibatkan 479 penerima, bayaran wang pampasan di bawah Skim Insurans 1Azam kepada sembilan waris berjumlah RM135,000 dan program Azam Kerja untuk enam peserta," katanya di sini hari ini.

Katanya, Skim Insurans 1Azam di negeri ini bakal memberi perlindungan kepada 1,677 orang ketua isi rumah (KIR) dan memberi manfaat kepada 8,385 ahli isi rumah yang berdaftar dalam sistem eKasih iaitu dalam bentuk insurans nyawa dan kemalangan bagi tempoh 1 Januari sehingga Disember 2011.

"Bagi KIR pula ia dilaksanakan melalui empat skim iaitu kematian semula jadi bernilai RM10,000, kematian akibat kemalangan dan kecacatan kekal, masing-masing bernilai RM20,000 dan khairat kematian bernilai RM5,000," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1010&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_04.htm